

11/08/1997

Masyarakat madani perlu tolak nilai ekstrim

KUALA LUMPUR, Ahad - Pembentukan masyarakat madani di kalangan orang Melayu harus mengambil kira penolakan terhadap sikap ekstrim dan cauvinis dalam agama Islam, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, orang Melayu tidak harus terdorong untuk melakukan sesuatu perkara yang bertentangan dengan agama suci itu.

"Kita mesti menjadikan agama Islam sebagai pegangan, tetapi sikap ekstrim dan cauvinis perlu dielak bagi menghapuskan imej buruk seperti yang digambarkan di peringkat antarabangsa," katanya ketika merasmikan Konvensyen Reformasi Budaya Ke Arah Pembentukan Masyarakat Madani, di sini hari ini.

Konvensyen anjuran Pergerakan Pemuda Umno itu turut dihadiri Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah; Naib Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Hishamuddin Tun Hussein dan Pengerusi Majlis Ehwat Agama Pemuda, Ruslan Kasim.

Abdullah berkata, jika tumpuan diberikan terhadap perkara itu, masyarakat madani dengan sendirinya akan terbentuk, selaras dengan cabaran yang ditetapkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melalui Wawasan 2020.

Selain itu, katanya, penghayatan terhadap sejarah kemerdekaan negara, dasar perkongsian kuasa antara kaum serta pemahaman konsep Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Wawasan 2020 juga adalah antara faktor utama dalam membentuk masyarakat madani.

"Bagaimanapun, reformasi itu tidak akan berjaya jika ia dilakukan dengan cara yang tidak ikhlas. Masalah akan timbul apabila wujud `cakup tidak serupa bikin' di kalangan pemimpin. Kadangkala apa yang dibuat adalah bertentangan dan merosakkan apa yang diatur," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Luar berkata, masyarakat Melayu juga tidak boleh menyimpang daripada memperkatakan mengenai soal nilai dan akal budi apabila membicarakan mengenai reformasi budaya.

"Kita boleh membuat reformasi, tetapi ia hendaklah lahir daripada jiwa kita yang bersih, jujur, amanah, tidak gila kuasa dan berlandaskan syariat.

"Jika ciri ini menjadi pegangan, saya percaya apa yang dihasratkan oleh semua pihak untuk membentuk masyarakat madani tidak akan sukar dicapai," katanya.

Beliau berkata, perjuangan pemimpin awal bagi mendapatkan kemerdekaan daripada penjajah dan kemudian disambung pemimpin seterusnya untuk membangunkan Malaysia, membolehkan rakyat memperolehi apa yang dinikmati kini.

Bagaimanapun, katanya, kemerdekaan dan kedaulatan yang dicapai itu tidak akan bermakna jika rakyat hidup dalam keadaan rendah martabat dan lemah dan akhirnya ditindas seperti yang dialami oleh rakyat di sesetengah negara.

Selain itu, beliau berkata, falsafah Barisan Nasional (BN) turut menjadi panduan negara lain kerana kesediaan pemimpinnya untuk bertolak ansur dan berkongsi kuasa.

(END)